

31 JUL 2003

UUM-Institut

UUM SUDAH SEDIA TUBUH INSTITUT PEMIKIRAN DR MAHATHIR

ALOR STAR, 31 Julai (Bernama) -- Universiti Utara Malaysia (UUM) sudah bersedia menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir, kata Naib Canselornya Prof Datuk Dr Mohd Fawzi Mohd Basri.

Beliau berkata UUM sudah bersiap sedia daripada struktur organisasi serta kewangan bagi penubuhan institut itu yang dicadangkan penubuhannya pada perhimpunan agung Umno lepas.

UUM mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memilih universiti itu untuk menubuhkan institut itu, katanya ketika diminta mengulas pengumuman Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad bahawa kabinet bersetuju untuk menubuhkan institut itu di UUM.

Menurutnya pemilihan itu bukan sahaja merupakan penghormatan kepada UUM sebagai universiti pengurusan terunggul, malah untuk negeri Kedah amnya.

"Kita akan gunakan semua kekuatan tenaga kepakaran yang ada di universiti ini untuk menjadikan institut pemikiran itu menjadi kenyataan," kata Prof Dr Mohd Fauzi.

"Kami kini hanya menunggu keputusan rasmi daripada kementerian untuk menubuhkan institut itu," katanya.

Beliau berkata UUM telah mengemukakan cadangan mengenai penubuhan institut itu kepada kementerian dan merasa bangga dipilih oleh kabinet bagi menjayakan penubuhan institut itu.

Dr Ahmad Fawzi berkata beliau hanya mengetahui keputusan itu melalui akhbar dan bagi pihak universiti: "kami sudah sedia untuk menjalankan tugas yang diamanahkan itu".

Musa mengumumkan keputusan kabinet itu selepas mesyuarat pasca kabinet di pejabatnya.

Kabinet juga memutuskan penubuhan Kursi Pengajian Eropah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

-- BERNAMA

MNH LAT